

12/01/2001

Merafak syiar di Gema Puisi Ramadan UKM 2000

Ibrahim Ghaffar

MALAM Gema Puisi Ramadan UKM 2000 menggamit lagi. Petang 9 Disember 2000 bersamaan 13 Ramadan 1421, langit menunjukkan seakan-akan hujan akan turun, tiba-tiba cerah semula namun dalam redup dan berangin lembut penulis memulakan perjalanan memenuhi undangan Pusat Kebudayaan UKM dan Jaksa Kolej Keris Mas UKM yang menjadi penganjur bersama Gema Puisi Ramadan UKM 2000.

Seperti yang dijanjikan Dr Ahmad Razali Yusof menunggu di Dataran Shah Alam untuk pergi bersama.

Aturcara dimulakan dengan berbuka puasa, hidangan masakan kampung sungguh membuka selera, nasi putih, ikan cencaru bakar bersumbat sambal, ulam dan sambal belacan ditambah dengan pucuk paku masak lemak cili api menjadikan selera kami menjadi-jadi. Cuci mulut buah tembikai emas.

Dari bilik jamuan kami beredar ke dewan untuk solat Maghrib berjemaah dengan bacaan Surah Ikhlas dan tahlil bersama kemudian solat Isyak berjemaah seterusnya solat sunat Taraweh dipimpin oleh Ustaz Abu Yamin.

Pengacara majlis seorang siswi yang sungguh ceria dan petah mengendalikan majlis dengan lancar dan kemas. Pentas diisi dengan persembahan nasyid oleh sekumpulan 15 pelajar yang menggelarkan diri dengan Firasat Inzar mempersembahkan dua buah lagu Suara Kedaifan dan Nikmat Kemenangan, kedua-dua lagu membawa kita menilai diri. Diikuti oleh Rosmawati Md Jaya yang mendeklamasikan puisi Syumul Syawal, Rosmawati yang mewakili Artisukma juga seorang pemantun yang mewakili UKM pada pesta pantun kebangsaan.

Gelanggang diteruskan dengan penyair jemputan dimulai Ahmad Razali dengan puisi terbaru dan dicipta khusus untuk majlis ini bertajuk Mentafsir Fikir Dari Kota Khayal diikuti Zainal Jaslam dengan puisi Dendang Kupu-kupu idea dan ungkapan prosa kata yang dilontarkan oleh kedua penyair ini mampu menggamit minat dan penghayatan hadirin mengikuti gema puisi ini dengan lebih teliti.

Selepas itu, penulis dipersilakan untuk mengisi ruang. Dengan mukadimah membuka lembaran sejarah kegemilangan Rasulullah saw, dan kepemimpinan yang ditinggalkan kepada sahabat, penulis lontarkan persoalan; "Kenapa tiga dari empat sahabat, Khulafaur Rasyidin mati dibunuh?" Ketiga-tiganya dibunuh oleh pengikut dan orang disekelilingnya sendiri akibat dendam, perselisihan, marah dan pertentangan sesama sendiri. Kecuali Saidina Abu Bakar ra. yang wafat sempurna mengakhiri usia.

Malam itu penulis memberanikan diri dengan mendeklamasikan sajak karya penyair Indonesia Basuki Ismail yang dihasilkan sekitar 60-an untuk membawa kita terus mencari jawapan dari persoalan ini, sajak yang sangat ringkas tetapi mampu mengoyak kotak fikiran kita lebih-lebih lagi bila kita berada di antara tajuk sajak ini Bila Muslim Melawan Muslim:

Tiga dari empat khalifah

mati dibunuh...

titis-titis darah di tengah rumah

Ya... Rasulullah

Sempena Gema Puisi Ramadan ini juga penulis sempat membawa buah tangan sebuah puisi yang berjudul Mensyukuri, Nikmat Kehadirannya dengan beberapa ungkapan antaranya yang sempat dideklamasikan:

Kehadiran Ramadan ini

meramahi syahdu sanubari

menyingkap helaian daun-daun

hari
di sini...
negeri aman dan makmur
sepotong syurga di muka bumi.
Nanti... raikan Aidilfitri
penuh syukur dan ketaqwaan
terima kasih sesama insan
tanda syukur kepada Tuhan.

Kelab Teater Rimba UKM tampil dengan persembahan yang sangat menarik bila mendramakan puisi Badan Cuma Milikku mampu menyedarkan kita yang selalu mendakwa bahawa kita memiliki segala kekuatan, kecantikan, kepandaian, nafsu dan keinginan serta sempurna tapi sebenarnya kita insan yang terlalu lemah dan tidak punya apa-apa di sisi Allah melainkan segalanya hanya pinjaman kepada kita.

Tidak ketinggalan malam itu turut tampil Prof Madya Dr Idris Zakaria, Pengetua Kolej Keris Mas UKM mendeklamasikan puisi Cinta Kita Di Abad Ini dan sebuah puisi ciptaan Nahmar Jamil bertajuk Di Luar Hujah Di Luar Akal. Walaupun Dr Idris awal-awal lagi mengaku beliau bukan penyair tetapi nyata pengalamannya bersama Dr Ramli Isin, Mana Sikana dan teman lain semasa bergiat dalam kumpulan pemuisi menjadikannya mampu menjadi deklamator yang baik.

Seorang lagi tokoh penyair yang juga pelukis pernah menjadi pendidik di UKM ialah Agi, tampil diiringi empat pelajar untuk mengambil tempat. Agi memberitahu beliau meminta bantuan siswa untuk menjadi korus bagi mendapatkan kesan yang lebih mendalam untuk mendeklamasikan puisi bertajuk Laillah Haill Allah yang telah dicipta 30 tahun lalu.

Agi memang terkenal dengan vokal dan penampilannya setiap kali tampil di mana-mana acara deklamasi puisi, pastinya ada saja idea baru dan segar yang akan dihidangkan, penulis mengenali Agi sejak sama-sama bergiat di dalam Kumpulan Anak Alam sekitar 60-an dari Jalan Ampang hingga ke pinggir Padang Merbuk, oh... itu nostalgia namun kami bersyukur diketemukan pada satu majlis yang pastinya menyegarkan kenangan.

Malam itu dijadualkan penyair Prof Madya Dr Siti Zainun Ismail (Izan) turut serta, tetapi urusetia memberi khabar Siti Zainun bukan mungkir tetapi perlu mendampingi ibu yang sedang uzur. Begitu juga Datuk Jins Shamsuddin tidak sempat hadir kerana sedang menggalas tugas sebagai Pengerusi Panel Juri FFAP ke-45 di Hanoi, Vietnam, beliau adalah salah seorang tokoh yang tidak mahu ketinggalan dalam acara Gema Puisi Ramadan UKM yang diadakan setiap tahun.

Kemeriahan Malam Gema Puisi Ramadan 2000 yang dinaungi Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Anuar Ali, didukung oleh Prof Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yassin dan turut dihadiri Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh menunggu hingga akhir. Salah seorang lagi tetamu yang diundang untuk memeriahkan majlis ialah Ismail Hutson seorang aktivis masyarakat dan juga dikenali sebagai bintang filem.

Ismail tampil mendeklamasikan puisinya yang bertajuk Kapak Ibrahim Hamba mengungkapkan mengenai semakin hilangnya moral, maruah dan harga diri pada masa kini. Keampuhan dan keunggulan sudah semakin hilang, antara ungkapan yang beliau sampaikan:

Ke mana kapak Ibrahim hamba
ke mana wajah Yusuf hamba
ke mana tongkat Noh hamba
ke mana cahaya Muhamad
hamba
hambalah hamba
yang terus tercari-cari kehilangan.

Hari semakin larut, seperti mukadimahny Pak Samad memberitahu malam itu

Pak Samad mendeklamasikan tiga puisi yang dibawanya dan Az menggitari (pinjam Istilah Pak Samad) tiga lagu gubahannya. Sementara puisi yang ketiga nanti beliau minta Az mengiringi dengan petikan gitarnya ketika beliau mendeklamasikannya. Secara bergurau mesra Pak Samad beritahu; "Saya tidak mahu Az mengiringi semua puisi saya khuatir orang akan lebih mendengar Az berbanding saya".

Dalam senyum ceria di setiap wajah hadirin kita dapat saksikan dua insan seni yang akrab, intim, serasi dan mesra bagai tidak seuratpun garis pemisah yang memisahkan antara keduanya. Tingkat usia, susun keluarga dan versi karya tidak menjadi alasan untuk tidak seserasi ini antara kedua anak dan bapa.

Demikianlah A. Samad dan puteranya Az. Atas persepakatan mereka berdua Az dulu mempersembahkan tiga lagu dengan petikkan gitar solonya, masing-masing berjudul Getaran Jiwa, Anakku Sazali dan diakhiri dengan lagu Di Waktu Pagi dalam versinya sendiri kerana sebelum ini belum ada sesiapa yang memainkan ketiga-tiga lagu ini dengan petikan gitar secara solo.

Gema Puisi Ramadan pun sampai ke kemuncaknya bila Pak Samad mengambil tempat dengan gaya penyair tersohor, wibawa seorang sasterawan negara Pak Samad memulakan bicara dengan puisinya Setinggalan Ramadan. Mengikut Pak Samad puisi ini amat menyayat hatinya kerana ia benar-benar mencabar ketamadunan kita, antara bait yang sempat penulis rakam:

Hilangnya satu tamadun
hilangnya ketuanan
bila Melayu ku diusir
dari istana Kampung Glam.

Dalam puisi kedua Pak Samad yang berjudul Iktibar Ramadan membawa hadirin menghayati Ramadan yang di dalamnya penuh dengan hikmah dan Iktibar, antaranya al-Quran diturunkan sebagai pegangan dan penyuluh jalan yang pastinya tidak akan menyesatkan, sentiasa mensyukuri nikmat, sabar dan pemaaf.

Berdiri di antara menara kembar
menikmati makmur penuh syukur
aku berdo'a...
berbaiklah Mahathir dan Anwar.

Pak Samad sebagai penyair yang teliti, kritis dan tegas dapat dilihat dengan jelas ekspresinya dan dapat dihayati intonasi suaranya yang tidak bertolak ansur ketika melafazkan:

Kerana demokrasi
cangkul sakti
yang terus menghakis
hak peribumi,
wajar kita sedar
jika pencongak selalu palsu
kita berhak menjadi terlalu Melayu
jangan terlalu percaya
Melayu mengalah...

Bait di atas adalah antara ungkapan dari puisi ketiga yang dideklamasikan malam itu bertajuk Dari Langkawi, Selepas itu antara buah tangannya yang terbaru. Pak Samad menengaskan beberapa kali kepada hadirin bahawa perasaan dan jiwanya amat tertekan dan terhimpit, hatinya sakit oleh kerenah dan keadaan yang semakin mengancam.

Hadirin dapat berkongsi dengan apa yang cuba diluahkan oleh Pak Samad dalam menelusuri jalur kesenimanannya. Sebagai insan yang berbangsa dan beragama pastinya kita akan segera kembali ke jalur akar umbi bangsa dan menghimpun tali pegangan agar kembali bertaup dan tidak bercerai berai yang nantinya kita sendiri yang rugi bila ketuanan semakin terhakis.

Pak Samad mengakhiri deklamasinya dengan harapan dan doa, namun kita

sebagai umat yang diamanahkan sebagai khalifah di muka bumi ini pastinya akan terus berusaha menunaikan tuntutan untuk melakukan yang terbaik seperti doa yang sering kita lafazkan Semuga hari ini lebih baik dari semalam, Esok lebih baik dari had ini demikian seterusnya untuk anak cucu yang akan mewarisi masa depannya.

(END)